

15 AUG 2001

Kayveas-Kebakaran

KAYVEAS TEGASKAN KEBAKARAN DTC UM PERBUATAN SABOTAJ

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Walaupun mengakui beliau tidak membaca laporan akhir Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat mengenai kebakaran yang memusnahkan Dewan Tunku Canselor (DTC) Universiti Malaya pada 29 Jun, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk M. Kayveas berkeras menegaskan ia berpunca daripada perbuatan sabotaj.

"Selepas meneliti semua laporan yang dikemukakan kepada kementerian dan hasil siasatan saya sendiri, saya tidak boleh membuat kesimpulan lain kecuali mengatakan kebakaran itu berpunca daripada satu perbuatan sabotaj," katanya.

Hanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mempunyai laporan akhir jabatan itu mengenai kebakaran DTC yang dikemukakan kepada mereka oleh menteri berkenaan Datuk Seri Ong Ka Ting.

"Ini merupakan kesimpulan saya selepas membaca semua laporan yang boleh saya dapatkan dan jika sesiapa tidak bersetuju, dia boleh, tetapi saya boleh mengatakan 100 peratus ia merupakan satu tindakan sabotaj yang dirancang," kata Kayveas kepada pemberita selepas merasmikan satu seminar dan pameran di sini hari ini mengenai Karbon Dioksida dan alternatif lain kepada Halon bagi memadam api.

Beliau menyangkal laporan berita yang memetik sumber jabatan itu sebagai berkata bahawa kebakaran itu berpunca daripada litar pintas.

Kayveas mempertikaikan bahawa kebakaran itu tidak mungkin berpunca daripada litar pintas kerana bekalan elektrik DTC tidak digunakan ketika kebakaran itu yang bermula pada pukul 3 pagi.

"Satu lagi sebab kenapa saya rasa ia perbuatan sabotaj ialah kerana kebakaran itu memusnahkan keseluruhan bangunan, bukan sebahagian daripadanya, yang bermakna kebakaran itu bermula daripada beberapa punca dan litar lintas tidak mampu melakukannya," kata Kayveas.

Tambahan pula, walaupun DTC merupakan sebuah bangunan lama, penyelenggaraan berjadual dilakukan setiap tiga hingga enam bulan dan ini merupakan satu lagi faktor yang menolak teori litar pintas.

Menurut Kayveas, tiada satu pun laporan daripada pihak berkuasa yang melakukan siasatan mengenai punca sebenar kebakaran itu adalah konklusif.

Kebakaran itu memusnahkan 90 peratus daripada dewan berusia 37 tahun itu, serta 1,800 jubah dan 2,000 topi segi empat siswazah untuk kegunaan konvokesyen Universiti Malaya. Kerugian dianggarkan sebanyak RM12.4 juta.

Kebakaran itu berlaku sehari sebelum Dr Mahathir dijadual merasmikan satu simposium di situ.

Sementara itu Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Meor Chek Hussein Mahayuddin berkata polis masih perlu mendapatkan keterangan daripada beberapa orang sebelum menamatkan siasatan berhubung punca kebakaran DTC itu.

Semasa diminta mengulas kenyataan Kayveas itu, beliau berkata sehingga kini polis belum dapat membuat sebarang rumusan berhubung punca kebakaran dewan berkenaan.

"Mungkin apa yang beliau (Kayveas) katakan itu adalah berdasarkan maklumat yang diterimanya tetapi bagi pihak polis, kami belum dapat membuat apa-apa kesimpulan lagi," katanya ketika dihubungi Bernama.

Menurutnya laporan siasatan serta rumusan berhubung punca kebakaran itu akan dihantar ke Ibupejabat Polis Bukit Aman sebaik sahaja pihaknya berpuas hati dengan siasatan itu untuk tindakan selanjutnya.

Siasatan pasukan itu diketuai oleh Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman Datuk Ramli Yusof dan dibantu Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas (JBEG) serta Jabatan Kimia.

-- BERNAMA

NJ AZH AHH RON